

14 MAY 2000

Abdullah-Pendekatan

PEDEKATAN PM TEMU AHLI AKAR UMBI AMAT BAIK, KATA ABDULLAH

SHAH ALAM, 14 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menganggap pendekatan yang diambil oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk turun ke padang bertemu ahli-ahli Umno peringkat akar umbi adalah sesuatu yang amat baik.

Beliau berkata, dengan berbuat demikian, tentu sekali beliau (Dr Mahathir) secara langsung dan peribadi akan dapat memberikan penerangan serta penjelasan kepada rakyat mengenai pelbagai perkara.

"Saya memahami dan amat gembira dengan keinginan Perdana Menteri dan maklumlah bila ada pertemuan dengan rakyat nanti akan ada juga masa-masanya berlaku soal jawab mengenai perkara-perkara tertentu," katanya kepada pemberita pada persidangan media selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan golf Gamuda-Kota Permai Media Golf Challenge 2000 di Kota Permai Golf and Country Resort di sini, hari ini.

Mengenai keinginan Dr Mahathir untuk menyerahkan beberapa daripada tugasnya kepada beliau supaya Perdana Menteri dapat menumpukan perhatiannya kepada hal-hal parti, Abdullah berkata beliau tidak ada masalah langsung untuk menjalankan tugas-tugas yang akan diserahkan oleh Perdana Menteri nanti.

Beliau juga menghargai dan berterima kasih kepada Perdana Menteri terhadap keyakinan terhadapnya untuk menjalankan tugas-tugas itu serta meminta para perwakilan dan ahli-ahli Umno terus memberikan sokongan kepadanya.

Ketika ditanya apakah pandangan beliau mengenai Persidangan Perwakilan Umno ke-54 yang berakhir semalam, Abdullah berkata ia dilaksanakan dengan jayanya dan proses pemilihan juga berjalan dalam suasana yang amat baik.

Mengenai kritikan yang dilemparkan terhadap pucuk pimpinan dan Majlis Tertinggi semasa perbahasan pada persidangan itu, beliau berkata ia bukanlah sesuatu yang luar biasa atau tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Tetapi ianya adalah sesuatu yang memberi kesempatan kepada kita untuk memikir dan mengambil kira pandangan-pandangan yang diberikan untuk kebaikan parti," katanya.

Abdullah berkata apa yang penting sekarang ialah untuk melaksanakan amanat Presiden parti pada ucapan penggulungannya yang menerima sokongan padu para perakilan yang juga bersetuju dengan saranannya supaya kegiatan parti dijalankan dengan baik dan bekesan terutamanya untuk menghadapi pilihan raya akan datang.

Ketika ditanya komennya mengenai tindakan Ketua Pergerakan Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz menukar beberapa orang ketua wanita negeri termasuk bekas ketua pergerakan itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, Abdullah berkata beliau akan membuat komen mengenai perkara itu hanya selepas menerima laporan yang sahih daripada Rafidah.

Dalam majlis hari ini Andy Ng daripada akhbar The Sun memenangi hadiah pertama pertandingan itu yang merupakan Challenge Trophy, Trophy Take Away, tiket penerbangan dua hala ke Subic Bay, beg golf MAXFLI dan hamper Nestle.

Hafifi Hafidz dari Berita Harian memenangi tempat kedua dan menerima Trophy Take Away, ketuhar microwave, beg golf Durango dan hamper Nestle manakala tempat ketiga dimenangi K.P. Waran daripada The New Straits Time dan beliau memenangi Trophy Take Away, Portable Stereo Component, beg golf Adidas dan hamper Nestle.

Acara berpasukan dimenangi oleh kumpulan dari Berita Harian dan peserta pasukan ini masing-masing menerima Trophy Take Away, tiket penerbangan dua hala ke Kota Kinabalu dan hamper Nestle.

-- BERNAMA

KM PR